



BINA PURI HOLDINGS BHD

Since 1975

PRESS RELEASE

Binapuri dapat kontrak di Thailand

UTUSAN ONLINE

February 09, 2008

KUALA LUMPUR 8 Feb. – Binapuri Holdings Bhd. (Binapuri) berjaya meningkatkan kontrak dalam tangan di Thailand kepada RM1 bilion apabila mendapat satu lagi kontrak baru pada tahun ini.

Anak syarikat Binapuri yang berpangkalan di Thailand, Bangkok-Bina Puri Ltd. telah diberi kontrak bernilai RM81 juta untuk melaksana pembinaan kondominium di negara tersebut.

Binapuri dalam kenyataan berkata, kontrak itu membabitkan pembinaan dua blok kondominium dengan 810 unit kediaman di Sukhumvit Bangkok dalam tempoh 21 bulan.

“Perjanjian itu menandakan satu lagi kejayaan Binapuri dalam melebarkan sayap kami di Thailand, sekali gus membuktikan bahawa Binapuri kini menjadi satu jenama yang dipercayai di Thailand,” katanya.

Binapuri yang mula terlibat dalam projek pembinaan di Thailand pada 2003 dengan pembinaan 37,447 kediaman kos rendah di 11 lokasi di pinggir bandar Bangkok dan beberapa daerah di Bangplee, Romklao, Bang Pu, Krasaebon, Rama II, Tha Jean, Na Dee, Nong Joak, Asoke-Rachada, Suang Lung District dan Hatai Rai.

Selain di Thailand, Binapuri juga mempunyai pejabat di Vietnam, Libya, Emiriah Arab Bersatu, Indonesia and Pakistan.

Menurut Binapuri, jumlah keseluruhan projek dalam tangan yang dimiliki oleh syarikat itu di dalam dan luar negara kini mencecah RM2.1 bilion untuk tempoh sehingga 2010.

Untuk tahun ini syarikat itu akan terus aktif untuk terlibat dalam tender projek di dalam dan luar negara, katanya.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my